

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 01 JUN 2015 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Riuh Sakan mampu perkenal produk kreativiti, inovasi	Utusan Malaysia
2.	Insiden keselamatan siber meningkat	Utusan Malaysia
3.	Penemuan spesies baharu	Utusan Malaysia
4.	Technology Park Malaysia	Utusan Malaysia
5.	Technology Park Malaysia	New Straits Times
6.	Technology Park Malaysia	Harian Metro

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 28
TARIKH: 01 JUN 2015 (ISNIN)

Riuh Sakan mampu perkenal produk kreativiti, inovasi

MELAKA 31 Mei - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sedia bekerjasama dengan Utusan Melayu (M) Berhad untuk mengetengahkan produk kreativiti inovasi pada setiap acara dan program yang dianjurkan oleh syarikat akhbar itu di seluruh negara, termasuk Fiesta Riuh Sakan.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, kementeriannya sedia membantu menyediakan seberapa banyak pencipta produk kreativiti untuk menyertai program Kumpulan Utusan bagi memperkenalkan hasil ciptaan rakyat tempatan.

Katanya, langkah itu juga bersesuaian dengan moto kementerian iaitu 'kreativiti menjana kekayaan' dan diharap usaha ini dapat membantu pencipta berkenaan memperkenalkan produk masing-masing.

"Kadar pengkomersialan produk kreativiti di negara ini dilihat sangat rendah walaupun hasil ciptaan krea-

tiviti rakyat sebenarnya agak tinggi. Ini kerana untuk memasarkan atau mempromosikan produk itu memerlukan perbelanjaan yang besar.

"Sekiranya Utusan Melayu (M) Berhad dapat memasarkan produk kreativiti menerusi program dan acara yang diadakan seperti Riuh Sakan, kementerian sedia bekerjasama dan membantu untuk memberi ruang kepada mereka ini memperkenalkan produk masing-masing," katanya.



ABU BAKAR

Beliau ditemui selepas melawat tapak pameran Fiesta Riuh Sakan 2015 yang berlangsung sejak kelmarin di Dataran 1Malaysia Klebang di sini hari ini.

Dalam kunjungan pada hari terakhir fiesta itu, Abu Bakar yang juga Ahli Parlimen Tangga Batu sempat beramah mesra dengan sebahagian daripada pengunjung dan petugas Kumpulan Utusan se-

lain menyertai pelbagai program yang disediakan.

Menurut beliau, kementerian berusaha memperkenalkan produk kreativiti dan inovasi selaras dengan usaha menjelang tahun 2020 untuk mempromosikan sebanyak 360 produk berkenaan.

Selain itu, katanya, kementerian turut berhasrat untuk menaikkan kadar pengkomersialan produk kreativiti negara kepada 15 peratus menjelang tahun itu berbanding hanya lapan peratus kadar ketika ini.

"Masalah yang berlaku bukanlah rakyat negara kita kurang penghasilan produk kreativiti sebaliknya mereka sukar untuk memperkenalkan produk itu ke luar.

"Orang ramai juga pada yang sama masih ragu-ragu dengan produk kreativiti dan inovasi tempatan dan kita harapkan dengan penganjuran seperti Riuh Sakan ini, orang ramai akan menyokong produk kreativiti negara dan sebagai contoh, produk itu adalah begitu asas seperti kaedah memberi makan haiwan peliharaan atau produk membunuh serangga," katanya.

Insiden keselamatan siber meningkat

Oleh **SOFIAN BAHAROM**
sofian.baharom@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 31 MEI

INSIDEN keselamatan siber didapati meningkat sebanyak 42 peratus dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Cyber Security Malaysia (Cybersecurity), Dr. Amirudin Abdul Wahab berkata, ini berdasarkan sebanyak 3,827 insiden keselamatan siber dilaporkan sepanjang Januari hingga April tahun ini berbanding hanya 1,132 kes dalam tempoh sama tahun lalu.

"Jumlah kes insiden siber sehingga 30 April lalu adalah 3,827 merangkumi *spam* sebanyak 1,708, penipuan dalam talian sebanyak 1,056 dan pencerobohan (688).

"Ketiga-tiga kes tersebut merupakan yang tertinggi dilaporkan ke Pusat Cyber999 Cybersecurity," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, insiden-insiden lain yang berlaku dalam empat bulan pertama tahun ini termasuk gangguan siber

dengan 153 kes, kod-kod berbahaya (103 kes) dan percubaan mencaroboh (92 kes).

Selain itu katanya, kesalahan berkaitan kandungan siber pula mencatatkan 11 kes, penafian perkhidmatan dengan 10 kes dan laporan ancaman siber (enam kes).

"Meskipun insiden ini dilihat terkawal tetapi berlaku peningkatan jika dibandingkan dengan tahun lepas pada tempoh sama.

"Perkara ini kerana pada tahun lepas, jumlah kes insiden siber dilaporkan ke Cyber999 di cybersecurity setakat April 2014 adalah 2,695," katanya.

Sehubungan itu, kata beliau, adalah penting bagi semua pihak untuk melihat ancaman keselamatan siber sebagai tanggungjawab bersama yang bermula dengan kesedaran mengenai ancaman keselamatan siber itu sendiri.

Menurutnya, ini kerana sumbangan orang ramai terhadap usaha-usaha Cybersecurity dalam menangani insiden



DR. AMIRUDIN

ini dilihat kurang.

"Pada masa yang sama, organisasi perlu mengamalkan dasar dan operasi yang menitikberatkan keselamatan siber seperti pelaksanaan amalan terbaik Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS) 270001.

Selain itu, kata beliau, organisasi perlu

sentiasa melakukan audit dengan kerap kepada sistem infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) masing-masing.

"Kakitangan mereka juga perlu didedahkan dengan ilmu dan kesedaran tentang keselamatan siber. Di Cybersecurity, kita ada program dinamakan CyberSafe bertujuan mempromosikan kesedaran berkeanaan," katanya.

Beliau memberitahu, sekiranya berlaku sebarang insiden berkaitan keselamatan siber, orang ramai boleh melaporkan terus ke cyber999@cybersecurity.my atau talian 1300-882-999.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA) : MUKA SURAT 07
TARIKH : 01 JUN 2015 (ISNIN)



PENYELIDIKAN mengenai orkid dapat membantu meningkatkan industri bunga hiasan tersebut di negara ini.

Penemuan spesies baharu

SEJAK tahun 2000, banyak ekspedisi saintifik telah dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Akademi Sains Malaysia (ASM).

Dr. Rusea Go bersama pelajarannya telah menyertai 90 peratus menerusi semua ekspedisi itu.

Hasil penglibatannya dan kajian di kawasan hutan paya gambut, hutan batu kapur dan pergunungan, berjaya merekodkan lebih 30 spesies sebagai rekod baharu untuk Malaysia dan tiga spesies baharu untuk Sains.

Menurutnya, antara spesies rekod baharu yang ditemui ialah *Hymenorchis javanica* (Teijsm dan Binn) Schltr dan *Dendrobium corrugatilobum* J.J.Sm. spesies orkid endemik atau hanya direkodkan di Jawa, Indonesia.

Tiga spesies baru yang bakal diterbitkan tidak lama lagi adalah dari genus *Bulbophyllum*, *Corybas* dan *Vanilla*.

Penemuan spesies baharu dan rekod baharu tersebut menunjukkan

DR. RUSEA GO antara penyelidik tempatan yang banyak menjalankan kajian mengenai orkid.



kajian diversiti orkid khususnya dan biodiversiti amnya masih kurang di negara kita.

Kajian ini makin menjadi kritikal memandangkan aktiviti pembalakan dan pembukaan hutan untuk perladangan semakin berleluasa yang mempunyai kesan langsung terhadap kemerosotan kepelbagaian biologi.

Kajian diversiti orkid dan pemeliharaannya memerlukan kerjasama erat pelbagai pihak termasuk penggemar dan peniaga orkid liar, kerajaan dan penyelidik.

Walaupun negara kita memiliki undang-undang yang melindungi semua kepelbagaian biologi seperti *National Biodiversity Policy* dan Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Fauna dan Flora Mengenai Spesies Terancam (CITES), namun penguatkuasaan masih kurang, menyebabkan penjualan orkid liar merentasi sempadan antarabangsa berleluasa.

Kemasukan spesies orkid dari luar negara akan merumitkan lagi proses dokumentasi orkid asal di negara kita kerana Malaysia belum mempunyai senarai spesies orkid yang lengkap.

Masih banyak lagi inventori yang perlu dilakukan di hutan belantara yang belum pernah dijelajah di negara kita yang besar kemungkinan menyimpan banyak lagi spesies orkid yang baru untuk sains ataupun rekod baru untuk negara.

"Saya berharap kajian diversiti dan bioteknologi orkid asli di Malaysia akan terus maju dengan kerjasama semua pihak

berkepentingan terutama para penggemar serta peniaga orkid liar dan agensi kerajaan.

"Kita perlu beringat, kekayaan sumber asli ini bukan hanya milik generasi kita, tetapi juga untuk generasi yang akan datang dan menjadi tanggungjawab untuk memelihara secara lestari," katanya.

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA : MUKA SURAT 21

TARIKH : 01 JUN 2015 (ISNIN)



**TECHNOLOGY PARK
MALAYSIA**
Company No 377141-T
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Advertorial

TPM BIOTECH TAWAR KEPAKARAN DAN PERKHIDMATAN TERBAIK DI SEKTOR BIOTEKNOLOGI PEMBUATAN

TPM Biotech Sdn Bhd (TPM Biotech), sebuah anak syarikat milik penuh Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd, telah diberi mandat untuk membantu pembangunan dan pertumbuhan sektor bioteknologi dan sains hayat, sejajar dengan Program Transformasi Ekonomi kerajaan.

TPM Biotech, sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), percaya prospek bagi industri bioteknologi yang bernilai berbilion ringgit ini kekal mampan. Bagi Malaysia mewujudkan impak bioteknologi dan sains hayatnya di pasaran global, adalah penting untuk menggunakan teknologi terkini, serta menerapkan amalan pembuatan dan pengurusan terbaik antarabangsa.

Di TPM Biotech, kami sentiasa bersedia untuk melatih para usahawan sedia ada dan bakal usahawan menembusi pasaran domestik dan global dengan menyediakan



Mesin Pengupas - Mengeluarkan biji dan kulit

pelbagai kemudahan dan perkhidmatan bertanda-aras di peringkat antarabangsa. TPM Biotech menyediakan bantuan kepada usahawan dari peringkat penajaan idea hingga pengkomersialan produk, pembuatan OEM dan akhirnya ke pasaran.

Dengan kerjasama rapat bersama pelanggan, TPM Biotech membantu membangunkan program-program strategik yang sesuai yang terdiri daripada formulasi produk, latihan dan bimbingan, ujian kimia analitikal sehingga ke pengeluaran produk siap bagi

daripada 200 usahawan akar umbi yang tidak mempunyai pelaburan modal permulaan untuk mendirikan kilang pembuatan.

Pelanggan boleh yakin dengan kualiti produk tertinggi. Komitmen TPM Biotech terhadap kecemerlangan, amalan dan proses antarabangsa, dan kawalan kualiti yang ketat dalam memenuhi piawaian antarabangsa sentiasa menjadi keutamaan mereka.

Menyadari peluang besar yang ditawarkan oleh industri makanan dan minuman yang halal



Mesin Pembancuh 2 Dimensi - Mencampurkan serbuk produk

memastikan pelanggannya, yang kebanyakannya terdiri daripada syarikat permulaan dan kecil dan perusahaan sederhana, dapat memaksimumkan pulangan pelaburan mereka.

Kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh TPM Biotech telah terbukti memberi kepada manfaat lebih

di seluruh dunia, TPM Biotech telah melabur lebih daripada RM10 juta dalam makmal sains halalnya. Ia dilengkapi dengan teknologi terkini bagi ujian dan analisis keperluan halal selaras dengan penanda-aras antarabangsa. Makmal sains halal TPM Biotech adalah satu-satunya makmal di Malaysia yang diiktiraf oleh

JAKIM sebagai ahli makmal panel untuk analisis dan pengesahan halal.

Kemudahan pengeluaran kami di Pahang dan Perlis telah memperolehi status Amalan Pengilangan Baik (GMP) oleh Kementerian Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan Kesihatan. Antara mesin-mesin industri yang bersedia memenuhi keperluan usahawan ialah

pensijilan ISO9001:2008, ISO22000:2005, ISO:IEC 17025, GMP dan Halal.

Di samping itu, kawasan pemrosesan makanan adalah kemudahan HACCP yang diakreditasi. Kesemua akreditasi, pensijilan dan kapasiti pengeluaran komersil yang besar ini menjadikan TPM Biotech pilihan utama bagi produk dan perkhidmatan



Pembekuan - Menukar cecair kepada serbuk pada suhu yang tinggi

pengering pembekuan, mesin pencampuran, mesin de-enzim, mesin sachet, depulping dan pengering ketuhar.

Kedua-dua kemudahan tersebut mempunyai kapasiti gabungan pengeluaran 500,000 sachet, produk GMP sebanyak 50,000 botol atau 3,000,000 dan ekstrak sehingga 10 tan sebulan. Untuk minuman, TPM Biotech mampu menghasilkan lebih kurang 24,000 botol dan ekstrak pembekuan kering daripada 200 kg sebulan.

Kemudahan ini telah memperolehi akreditasi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dengan

usahawan di peringkat akar umbi.

Di samping menyediakan pembuatan OEM dan perkhidmatan berkaitan, TPM juga menawarkan pilihan pajakan atau penyewaan jentera serta peralatan pada harga yang kompetitif kepada para usahawan.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan TPM Biotech, sila hubungi Zainal Abidin Bakri di 03-8998 4018 atau 019 383 6230.



Tangki Pengadukan - Campuran bahan produk cecair

KERATAN AKHBAR NEW STRAITS TIMES (BUSINESS TIMES) : MUKA SURAT B5 TARIKH : 01 JUN 2015 (ISNIN)



**TECHNOLOGY PARK
MALAYSIA** Company No 377141-T
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI


Advertorial

TPM BIOTECH OFFERS UNRIVALLED EXPERTISE AND SERVICES IN BIOTECHNOLOGY MANUFACTURING

TPM Biotech Sdn Bhd, a wholly-owned subsidiary of Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd, has been mandated to assist the development and growth of biotechnology and life sciences, especially at grassroots level, in line with the Government's Economic Transformation Programme.

TPM Biotech, an agency under the Ministry of Science, Technology & Innovation (MOSTI), strongly believes the prospect for the multi-billion ringgit biotechnology industry remains sustainable and bright. For Malaysia to establish her biotechnology and life sciences footprint in the global market, it is pertinent to employ advanced technology and the best international manufacturing and management practices.

At TPM Biotech, we are ever ready to empower existing and potential biopreneurs to penetrate both the domestic and



Depulper Machine - Removal of seed and peel (Fruit)

global markets by providing a wide range of internationally benchmarked facilities and services. We provide assistance to biopreneurs from the ideation stage to product commercialisation, OEM manufacturing and finally to the marketplace.

Working closely with our customers, we help develop appropriate strategic programmes ranging from product formulation, coaching and mentoring, analytical chemistry testing

grassroots biopreneurs who lacked the initial capital investment to set up a manufacturing plant.

Customers can be assured of the highest product quality as our commitment to excellence, international practices and processes, and stringent quality controls in meeting international standards have always been our forte.

Realising the tremendous opportunities offered by the halal food and beverages



Two Dimensional Mixer - Mixing powder ingredient product

right up to the manufacturing of finished products so as to ensure our clients, who are mainly start-ups and small-and-medium enterprises, are able to maximise their return on investment.


The facilities and services provided by TPM Biotech have been proven to have benefited more than 200

industry worldwide. TPM Biotech has invested more than RM10 million in its Halal Science Laboratory. It is equipped with the latest technologies for the testing and analysis of halal requirements in tandem with international benchmark. The Halal Science Laboratory is the only lab in Malaysia recognised by JAKIM as the

panel member lab for halal analysis and verification.

Our manufacturing facilities in both Pahang and Perlis have earned Good Manufacturing Practices (GMP) status, which were accorded by the Ministry of Health's National Pharmaceutical Control Bureau. Some of the industrial machines that are ready to meet

17025, GMP, MeSTI and Halal and IEC 17025 certifications. In addition, our functional food processing area is a HACCP and GMP accredited facility. All these accreditations, certifications and large commercial production capacity make TPM Biotech the preferred choice for grassroots entrepreneur products and services.




Freeze Dryer - Liquid to powder at freezing temperature

entrepreneurs' production needs are Freeze Dried, blending machine, de-enzyme, sachet machine 8, depulping machine, oven dryer and more. Both facilities have a combined monthly manufacturing capacity of producing 500,000 sachets, GMP products of 50,000 bottles or 3,000,000 and extracts up to 10 tons per month. For beverages, we can deliver about 24,000 bottles and extract freeze dried of 200kg per month.

These facilities have earned internationally recognized accreditations with ISO9001:2008, ISO22000:2005, ISO:IEC

In addition to providing OEM manufacturing and related services, TPM also offers solutions to entrepreneurs and biopreneurs the option of leasing or renting its machinery and equipment at competitive prices.

For more information about TPM Biotech's services, please contact Zainal Abidin Bakri at 03 - 89984018 or 0193836230.



Blending Tank - Mixing liquid product ingredient

KERATAN AKHBAR HARIAN METRO : MUKA SURAT 43 TARIKH : 01 JUN 2015 (ISNIN)

Advertorial



**TECHNOLOGY PARK
MALAYSIA** Company No 377141-T
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

TPM BIOTECH TAWAR KEPAKARAN DAN PERKHIDMATAN TERBAIK DI SEKTOR BIOTEKNOLOGI PEMBUATAN

TPM Biotech Sdn Bhd (TPM Biotech), sebuah anak syarikat milik penuh Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd, telah diberi mandat untuk membantu pembangunan dan pertumbuhan sektor bioteknologi dan sains hayat, sejajar dengan Program Transformasi Ekonomi kerajaan.

TPM Biotech, sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), percaya prospek bagi industri bioteknologi yang bernilai berbilion ringgit ini kekal mampan. Bagi Malaysia mewujudkan impak bioteknologi dan sains hayatnya di pasaran global, adalah penting untuk menggunakan teknologi terkini, serta menerapkan amalan pembuatan dan pengurusan terbaik antarabangsa.

Di TPM Biotech, kami sentiasa bersedia untuk melatih para usahawan sedia ada dan bakal usahawan menembusi pasaran domestik dan global dengan menyediakan



Mesin Pengupas - Mengeluarkan biji dan kulit

pelbagai kemudahan dan perkhidmatan bertanda-aras di peringkat antarabangsa. TPM Biotech menyediakan bantuan kepada usahawan dari peringkat penajaan idea hingga pengkomersialan produk, pembuatan OEM dan akhirnya ke pasaran.

Dengan kerjasama rapat bersama pelanggan, TPM Biotech membantu membangunkan program-program strategik yang sesuai yang terdiri daripada formulasi produk, latihan dan bimbingan, ujian kimia analitikal sehingga ke pengeluaran produk siap bagi

daripada 200 usahawan akar umbi yang tidak mempunyai pelaburan modal permulaan untuk mendirikan kilang pembuatan.

Pelanggan boleh yakin dengan kualiti produk tertinggi. Komitmen TPM Biotech terhadap kecemerlangan, amalan dan proses antarabangsa, dan kawalan kualiti yang ketat dalam memenuhi piawai antarabangsa sentiasa menjadi keutamaan mereka.

Menyadari peluang besar yang ditawarkan oleh industri makanan dan minuman yang halal



Mesin Pembancuh 2 Dimensi - Mencampurkan serbuk produk

memastikan pelanggannya, yang kebanyakannya terdiri daripada syarikat permulaan dan kecil dan perusahaan sederhana, dapat memaksimumkan pulangan pelaburan mereka.

Kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh TPM Biotech telah terbukti memberi kepada manfaat lebih

di seluruh dunia, TPM Biotech telah melabur lebih daripada RM10 juta dalam makmal sains halalnya. Ia dilengkapi dengan teknologi terkini bagi ujian dan analisis keperluan halal selaras dengan penanda-aras antarabangsa. Makmal sains halal TPM Biotech adalah satu-satunya makmal di Malaysia yang diiktiraf oleh

JAKIM sebagai ahli makmal panel untuk analisis dan pengesanan halal.

Kemudahan pengeluaran kami di Pahang dan Perlis telah memperolehi status Amalan Pengilangan Baik (GMP) oleh Kementerian Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan Kesihatan. Antara mesin-mesin industri yang bersedia memenuhi keperluan usahawan ialah

pensijilan ISO9001:2008, ISO22000:2005, ISO:IEC 17025, GMP dan Halal. Di samping itu, kawasan pemprosesan makanan adalah kemudahan HACCP yang diakreditasi. Kesemua akreditasi, pensijilan dan kapasiti pengeluaran komersil yang besar ini menjadikan TPM Biotech pilihan utama bagi produk dan perkhidmatan



Pembekuan - Menukar cecair kepada serbuk pada suhu yang tinggi

pengering pembekuan, mesin pencampuran, mesin de-enzim, mesin sachet, depulping dan pengering ketuhar.


Kedua-dua kemudahan tersebut mempunyai kapasiti gabungan pengeluaran 500,000 sachet, produk GMP sebanyak 50,000 botol atau 3,000,000 dan ekstrak sehingga 10 tan sebulan. Untuk minuman, TPM Biotech mampu menghasilkan lebih kurang 24,000 botol dan ekstrak pembekuan kering daripada 200 kg sebulan.

Kemudahan ini telah memperolehi akreditasi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dengan

usahawan di peringkat akar umbi.

Di samping menyediakan pembuatan OEM dan perkhidmatan berkaitan, TPM juga menawarkan pilihan pajakan atau penyewaan jentera serta peralatan pada harga yang kompetitif kepada para usahawan.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan TPM Biotech, sila hubungi Zainal Abidin Bakri di 03-8998 4018 atau 019 383 6230.



Tangki Pengadukan - Campuran bahan produk cecair